



BERGEMERLAPAN... Bangunan Canselor USIM yang menjadi nadi pusat pentadbiran universiti yang terletak di Nilai, Negeri Sembilan.

USIM kini semakin disegani

Sempena Perisytiharan nama USIM

USIA tujuh tahun adalah terlalu muda bagi sesebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mencipta nama agar setanding dengan IPTA yang telah lama ditubuhkan di negara ini.

Namun demikian, dalam era teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) ini, usia bukanlah penghalang mencipta kejayaan asalkan disertai dengan usaha dan ikhtiar serta bertawakal kepada Allah.

Itulah yang dibuktikan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang namanya secara rasmi diisytiharkan di kampus utama di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan hari ini. Upacara penuh bersejarah itu akan disempurnakan oleh Canselornya, Tuanku Najihah Almarhum Tunku Besar Burhanuddin.

Sebelum ini, USIM yang ditubuhkan pada tahun 2000 dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dan beroperasi di kampus semmentaranya di Pandan Indah, Kuala Lumpur.

Kini USIM sudah bergerak pantas terutama dalam menyediakan program-program pengajian yang berkualiti termasuk dalam bidang perubahan,

sains dan teknologi.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan) USIM, Prof. Dr. Muhammad Muda berkata, namun begitu, usaha terus diperhebatkan bagi memastikan kualiti akademik di USIM sentiasa pada tahap tinggi.

Ia supaya graduan yang dilahirkan memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat khususnya industri, negara dan antarabangsa.

Oleh itu, agenda utama akademik USIM ialah memastikan setiap program pengajian melalui proses penambahbaikan dan pengemaskinian berterusan. Usaha itu dilakukan dengan gigih, tersusun dan sistematik.

"Dalam usaha menuju kecemerlangan akademik USIM memberi perhatian utama kepada pembentukan modal insan yang seimbang dari segi profesionalisme dan teras pendidikan Islam," katanya.

Penekanan utama diberi kepada



PROF. DR. MUHAMMAD MUDA

pembentukan kemahiran insaniah (*soft skill*). Ini termasuklah pengurusan diri, pembentukan personaliti, kemahiran berkomunikasi, keusahawanan dan kemahiran bahasa Inggeris dan Arab, di samping pendidikan Islam yang menjadi teras utama.

Bagi mencapai visi, misi dan matlamatnya, USIM memberi tumpuan kepada pengurusan sumber-sumber strategiknya secara holistik. Penekanan pertama ialah terhadap kemahiran pengajaran dan pembelajaran

di kalangan para pensyarahnya di mana kaedah dan metodologi amat diutamakan.

Menurut Muhammad, usaha dan galakan meningkatkan kelayakan pensyarah sehingga ke tahap ijazah kedoktoran (PhD) serta latihan berterusan juga dibuat secara terancang.

Kualiti

Katanya, ini bagi melahirkan pensyarah berkualiti, mampu menambah nilai pelajar, profesional serta berdedikasi dan mempunyai komitmen yang tinggi.

"Di samping menjayakan misi nasional untuk membangunkan modal insan, usaha ini amat perlu untuk menjadikan pensyarah USIM lebih bersedia meningkatkan ilmu pengetahuan, teknik pengajaran dan pembelajaran terkini dan komitmen terhadap melahirkan graduan yang cemerlang, mempunyai minda kelas pertama dan personaliti unggul," jelas beliau.

Kini usaha itu menampilkan hasil berdasarkan kejayaan-kejayaan yang dikecapi. Pensyarah dan pelajar berjaya meraih anugerah dalam dan luar negara. Ia bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi aktiviti sukan, kemahasiswaan dan juga khidmat masyarakat. Lebih penting lagi, graduan USIM kini sudah diterima dalam ber-

bagai sektor dan industri.

Sementara itu, Pengarah Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa USIM, Sapora Sipon berkata, pembangunan kampus giat dijalankan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) ini.

Prasarana bagi fakulti, makmal, perpustakaan, kemudahan pelajar dan sistem pentadbiran kini berjalan lancar. Sistem pentadbiran sedia ada akan terus diperkembangkan untuk menyokong pembangunan akademik USIM.

"Kami yakin dengan pendekatan yang diamalkan kini, USIM bersedia menjadi IPTA yang mampu menyediakan modal insan yang diharapkan," katanya.

USIM kini mempunyai lapan fakulti iaitu Pengajian al-Quran dan Sunah, Kepimpinan dan Pengurusan, Syariah dan Undang-Undang, Ekonomi dan Muamalat, Sains dan Teknologi, Perubatan dan Sains Kesihatan, Pengajian Bahasa Utama dan Pergajian.

USIM juga menawarkan program pengajian pra-siswazah, pengajian siswazah, diploma siswazah dan Tamhidi (Matrikulasi).

Pusat Kecemerlangan di USIM antara lainnya terdiri dari pusat pengurusan penyelidikan dan persidangan, Pusat Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD).

Menyedari hakikat itu, USIM meletakkan pembangunan sumber manusia dalam perancangan hala tuju masa depan selari dengan hasrat menjadikan pembangunan modal insan sebagai teras utama dalam perancangan pembangunan negara.

Justeru itu, kata Sapora, USIM menggunakan pendekatan menghantar tutor dan pensyarah melanjutkan pengajian di peringkat sarjana atau PhD di pelbagai negara seperti United Kingdom, Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, Jordan, Syria, Morocco dan di universiti tempatan.

Di samping itu, pihaknya mengadakan program penempatan bagi kakitangan pentadbiran peringkat pengurusan dan profesional.

"Ia bertujuan mendapat pendedahan di organisasi kerajaan dan swasta tem-



PRASARANA yang selesa membolehkan para pelajar menumpukan perhatian semasa kuliah.



TUANIKU Canselor menyampaikan ijazah kepada salah seorang graduan USIM.

patan seperti di Permodalan Nasional Berhad, Universiti Multimedia, Inti College, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan juga Universiti Sains Malaysia (USM)," tambahnya.

USIM juga aktif dalam menerbitkan buku dan penyelidikan dalam menganjurkan bengkel bagi meningkatkan mutu penerbitannya.

Sehingga kini, USIM menerbitkan 60 buah buku dan bertekad menjadi sebuah universiti cemerlang dalam bidang penyelidikan. Beberapa penyelidik universiti itu turut memenangi hadiah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dalam memastikan kecemerlangan global, USIM turut memeterai memorandum per-sefahaman (MoU) dan perjanjian (MoA) dengan Pertubuhan Gansu Terjemahan Cina-Arab, Universiti Islam Negeri Sharif Hidayatullah Jakarta, Institusi awam perbankan dan kewangan, Manama, Bahrain, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Malaysia Airports Berhad (Sepang), Universiti Asasi Antarabangsa Xi'an, China.

Terbaru, MoU dengan Kolej Asasi Islam Violet Magu' Maldives.

Menurut Sapora lagi, dalam merintis ke-

jayaan, perpindahan ke kampus utama di Bandar Baru Nilai membolehkan USIM menawarkan kemudahan dan perkhidmatan lebih selesa kepadaarganya.

Antara kemudahan yang disediakan ialah bangunan fakulti, bangunan pentadbiran, pusat teknologi maklumat, dewan kuliah, dewan peperiksaan, makmal komputer, kompleks makmal sains, perpustakaan, pusat khidmat setempat, kompleks sukan dan pusat kesihatan pelajar.

Kemudahan lain seperti bilik kuliah, perpustakaan, pusat kemudahan pelajar, padang bersukan, gimnasium menjadi matlamat USIM dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik.

Sebagai pusat kecemerlangan berterusan, USIM kini menawarkan Program Diploma Siswazah Dalam Penyalahgunaan Dadah (SPADA). Ia adalah program latihan kepakaran bagi menyahut seruan kerajaan melaksanakan usaha kolektif memerangi dadah sebagai musuh nombor satu negara.

Sepanjang penubuhan dan pengendalian program SPADA, pelbagai kemajuan dicapai. Antaranya usaha kolaborasi antara universiti, agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) peringkat kebangsaan dan antarabangsa. SPADA terlibat dengan penyelidikan dan penerbitan hasil pengalaman pengendalian program.

Penilaian program SPADA melibatkan penilai antarabangsa serta pakar-pakar yang berkemahiran tinggi dalam bidang penyalahgunaan dadah.

Penglibatan Canselor

Sokongan dan keprihatinan Tuanku Canselor terhadap perkembangan USIM memberi universiti keyakinan untuk terus maju dalam bidang akademik, penyelidikan, penerbitan, program kemasyarakatan dan pentadbiran.

Tuanku Canselor sangat aktif memberi sokongan kepada USIM melalui aktiviti-aktiviti seperti *Tuanku Najihah Syariah & Law Lecture*, Pertandingan Golf Amal, Majlis Santapan Sempena Konvokesyen, Majlis Konvokesyen dan lawatan-lawatan rasmi ke USIM.



DIMETERAI... Pertukaran dokumen perjanjian antara USIM dengan Kolej Asasi Islam Violet Magu, Maldives.



>> SEBAHAGIAN buku ilmiah yang diterbitkan oleh USIM.

Aktiviti-aktiviti USIM

● Seminar Dan Konvensyen

Persidangan Kedua Ekonomi Islam 2007 (iECONS 2007) akan dianjurkan oleh Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur pada Julai 2007.

Bertemakan 'Pembangunan seimbang dan komprehensif antara negara islam serta peluang kerjasama dan cabaran' dan dihadiri oleh pembentang kertas kerja dari Iran, Indonesia, Pakistan, Labenon, Algeria, Mesir dan Arab Saudi.

iECONS 2007 akan menengahkan topik berkaitan kerjasama, peluang dan cabaran yang dihadapi oleh negara-negara Islam dalam memastikan keseimbangan ekonomi tercapai. Dijangka lebih 50 kertas kerja akan dibentangkan sepanjang persidangan bermula dari 17 hingga 19 Julai.

Maklumat lanjut mengenai persidangan boleh dilayari di www.usim.edu.my/iecons2007 atau hubungi Nuradli Ridzwan Shah 606-798-8722/017-601-2027/.

● Seminar Warisan Nabawi

Seminar yang bertemakan aplikasi dan cabaran-cabaran semasa ini akan diadakan pada 11 dan 12 Julai 2007 di Palm Garden, IOI Resort, Putrajaya. Seminar ini akan dirasmikan oleh Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman.

Ucuptama seminar akan disampaikan oleh tokoh ulama dan pakar dalam bidang sunnah dan sirah Nabawiyah, didatangkan khas dari Syria, Prof. Dr. Muhammad Ramadhan al-Bouti. Dijangka lebih 50 kertas kerja dibentangkan dalam seminar ini dan disampaikan oleh para ilmuwan dari dalam dan luar negara. Sila lawat laman web www.usim.edu.my untuk keterangan lanjut.

● Konvensyen Kebangsaan Undang-Undang (Isu-isu penguatkuasa dan perundangan)

Konvensyen ini dianjurkan oleh Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, pada 28-29 Ogos di Hotel Pan Pacific KLIA.

Antara tokoh yang akan membentangkan kertas kerja ialah Bekas Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Faiza Thamby Chik, Pengarah Bahagian Penyelarasan dan Penguatkuasaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Abdul Latif Ibrahim, Penasihat Undang-undang Negeri Sembilan, Amiruddin Abdul Rahman dan Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Polis Diraja Malaysia, Datuk Mustafa Abdullah.

Pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi Arif Fahmi Md. Yusof di 019-3567390 atau Zahari Mahad Musa di 012-3760496.

● Penulisan Rencana Kemerdekaan

USIM dipilih sebagai ketua jawatankuasa kerja penulisan rencana sempena sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-50 tahun peringkat Kementerian Pengajian Tinggi.

Warga institusi pengajian tinggi awam dan swasta dipelawa menyumbangkan rencana bertema kemerdekaan untuk dibukukan dan disiarkan dalam akhbar utama.

Tarikh akhir menghantar rencana ialah pada 15 Julai 2007. Sila lawati laman web www.usim.edu.my atau e-mel sapora@admin.kuim.edu.my atau saporasipon@yahoo.com.my atau arshad@admin.kuim.edu.my.

● Majlis Konvokesyen

Majlis Konvokesyen USIM akan diadakan pada 4 Ogos 2007 di Dewan Perdana Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

Majlis Santapan Sempena Konvokesyen USIM akan diadakan pada 3 Ogos 2007 di Hall A, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

● Kejohanan Debat

USIM dengan kerjasama Sekretariat Majlis Debat Universiti Malaysia (Madum) akan menganjurkan Kejohanan Debat Bahasa Arab Peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN pada 19 hingga 23 Julai 2007. Tema kejohanan Debat ialah 'Membudayakan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ilmu dan Diplomasi'. Sila lawat laman web www.usim.edu.my untuk keterangan lanjut.

Pada masa yang sama, pertandingan Debat Alam Sekitar anjuran bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS), Madum dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM akan diadakan dari 27 hingga 31 Julai 2007 di Kampus Induk USIM, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.